

GARIS PANDUAN UJIAN DALAM TALIAN BAGI CALON-CALON PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA)

1) PENGENALAN

- a) Ujian akan dijalankan secara dalam talian menggunakan platform sistem ujian Public Service Commission - Computerised Assessment Management System (PSC-CAMS) dan aplikasi Zoom. Calon-calun tidak diperlukan berada di Pejabat SPA untuk menduduki ujian. Calon-calun adalah diperlukan untuk menyediakan keperluan berikut iaitu:
- i) Komputer / Komputer Riba
 - ii) Aplikasi Zoom (DIMESTIKAN muat turun - versi percuma)
 - iii) Salah satu pelayar (browser) yang terkini:
 - *Google Chrome, Mozilla Firefox, Safari, Microsoft Edge*
 - iv) Webcam
 - v) Mikrofon
 - vi) Rangkaian (*network*) internet yang stabil
 - vii) Bilik yang mempunyai ruang dan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk menjalani ujian.
 - Calon DIMESTIKAN bersendirian di ruang ujian tanpa gangguan.
- b) Calon-calun akan dipantau sepanjang Ujian Dalam Talian dijalankan melalui aplikasi Zoom. Mana-mana calon yang hadir dan menduduki ujian melalui sistem ujian PSC-CAMS tanpa pengawasan daripada pengawas ujian Pejabat SPA adalah dikira tidak hadir dan ujian yang telah diduduki adalah dikira tidak sah.

2) PERSEDIAAN SEBELUM UJIAN

a) PERALATAN:

- i) Hanya **komputer riba dengan built in kamera atau komputer dengan external webcam dapat digunakan** dan penggunaan tablet dan telefon bimbit adalah tidak dibenarkan atas keperluan pengawasan sepanjang Ujian Dalam Talian dijalankan;
- ii) Memastikan *webcam*, mikrofon dan *speaker* yang digunakan untuk Ujian Dalam Talian berfungsi dengan baik bagi membolehkan interaksi yang jelas antara calon dan pengawas ujian;
- iii) Memastikan *webcam* dan *speaker* dalam keadaan mod 'on' sepanjang ujian;

- iv) Rangkaian (*network*) internet yang stabil sekurang-kurangnya **20Mbps dan kuota data internet yang mencukupi** bagi memastikan kelancaran sesi ujian;
- v) *Virtual Background feature* dalam aplikasi Zoom **tidak dibenarkan untuk digunakan** sepanjang ujian dijalankan;
- vi) Bagi calon-calon yang belum pernah menggunakan aplikasi Zoom adalah disarankan untuk mencuba menggunakan aplikasi tersebut secara persendirian sebelum hari ujian dijalankan untuk membiasakan diri dengan aplikasi tersebut;
- vii) Calon-calon boleh melayari laman sesawang Zoom melalui <https://Zoom.us>

b) PERSEKITARAN:

- i) Pencahayaan yang cukup bagi membolehkan pengawas ujian dapat melihat muka calon dan persekitaran ruang ujian dengan jelas;
- ii) Tidak ada orang di sekeliling ruang ujian selain daripada calon;
- iii) Bebas dari bunyi bising yang dapat mengganggu konsentrasi calon semasa ujian dijalankan.

c) PENDAFTARAN:

- i) Telah menerima emel yang mengandungi pautan, *meeting ID* dan *passcode* untuk menghadiri ujian melalui aplikasi Zoom ATAU menerima maklumat di dalam Dashboard PSCR 2.0 dalam modul “Kalendar Saya” (bagi jawatan-jawatan yang diiklankan dalam PSCR 2.0);
- ii) Memastikan jawatan, tarikh dan sesi ujian adalah betul seperti yang dinyatakan di dalam emel panggilan atau Dashboard PSCR 2.0 sebelum menghadiri ujian;
- iii) Hendaklah masuk ke dalam pautan Zoom yang diberikan mengikut **waktu pendaftaran yang ditetapkan bagi tujuan pendaftaran**. Masa tambahan menjalani ujian tidak akan diberikan jika sekiranya calon hadir lewat;
- iv) Bersedia dengan kad pengenalan asli bagi tujuan verifikasi sebelum menduduki ujian. Jika tidak, pendaftaran permohonan awda tidak akan dilayan;
- v) **Username calon** sepanjang menduduki ujian melalui aplikasi Zoom hendaklah menggunakan **nombor kad pengenalan** masing-masing (contoh *username*: 00123456);
- vi) Calon hendaklah mengisikan Borang Persetujuan dan Pengakuan Calon yang dihantar melalui ruangan ‘Chat’ oleh pengawas ujian daripada Pejabat SPA setelah masuk Zoom meeting dan hantar terus setelah selesai mengisikan.

BORANG PERSETUJUAN DAN PENGAKUAN CALON MENGHADIRI UJIAN DALAM TALIAN:

Borang Persetujuan dan Pengakuan Calon menghadiri Ujian Dalam Talian adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (a) Pengakuan telah membaca dan memahami garis panduan dan peraturan yang telah dikongsikan sebelum menduduki ujian;
- (b) Memberikan kebenaran kepada Urus Setia Ujian untuk merakam (*record*) sepanjang ujian dijalankan bermula dari calon memasuki Zoom meeting sehingga ujian selesai;
- (c) Memahami bahawa calon hendaklah bersedia untuk '*share-screen*' sepanjang ujian dijalankan;
- (d) Mengesahkan bahawa calon yang sebenar menduduki ujian dan bukan menduduki ujian bagi pihak orang lain dan tidak memberi kebenaran untuk pihak ketiga menduduki ujian bagi pihak dirinya;
- (e) Memahami bahawa sesi ujian dan maklumat yang dikongsi semasa Ujian Dalam Talian adalah SULIT;
- (f) Memahami bahawa jika didapati melakukan kesalahan secara sengaja dan/atau tidak sengaja seperti meniru, meminta atau mendapatkan pertolongan dari pihak lain untuk menjawab soalan, menyalin dan menggambar soalan atau menduduki ujian bagi pihak orang lain akan disenaraihitamkan daripada memohon sebarang jawatan yang diiklankan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tempoh selama 6 bulan dari tarikh kesalahan bagi kesalahan pertama dan setahun bagi kesalahan-kesalahan seterusnya;
- (g) Memahami bahawa calon dan/atau pihak ketiga adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat sebarang rakaman sepanjang sesi Ujian Dalam Talian dijalankan. Jika Urus Setia mendapati calon dan/atau pihak ketiga membuat sebarang rakaman, maka ujian yang telah dihadiri adalah DIBATALKAN SERTA MERTA. Jika rakaman atau maklumat didapati disebarkan semasa atau selepas selesai urusan Ujian Dalam Talian secara sengaja dan/atau tidak, maka ianya akan MENJEJASKAN PERTIMBANGAN PERMOHONAN CALON DAN CALON BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN BERSESUAIAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA).

3) SEJURUS SEBELUM MENDUDUKI UJIAN DAN SEMASA UJIAN

- a) Tidak dibenarkan untuk menggunakan sungkup muka sepanjang ujian dijalankan;
- b) Calon-calun hendaklah duduk dengan posisi yang sesuai iaitu menampakkan paras muka hingga dada bagi membolehkan pengawas ujian nampak calon dan persekitaran dengan jelas;
- c) Jarak antara calon dengan *webcam*/kamera adalah bersesuaian;
- d) Memegang bahagian depan kad pengenalan berdekatan dengan *webcam*/kamera bagi tujuan verifikasi identiti setelah menerima arahan dari pengawas ujian;
- e) Menunjukkan kepada pengawas ujian pemandangan 360° ruang persekitaran ujian dengan menggerakkan *webcam* komputer/kamera komputer riba bagi tujuan verifikasi;
- f) Setelah verifikasi selesai, calon dikehendaki untuk menekan '*share screen*' (pilihan - *screen*) yang terdapat di dalam aplikasi Zoom sepanjang ujian dijalankan;
- g) Setelah itu menekan pautan sistem ujian PSC-CAMS yang diberikan oleh pengawas ujian melalui ruangan 'Chat' di dalam aplikasi Zoom bagi memulakan ujian;
- h) Calon adalah dimestikan untuk menutup aplikasi dan laman sesawang yang tidak perlu selain daripada aplikasi Zoom dan sistem ujian PSC-CAMS;
- i) Ujian akan bermula setelah pengawas ujian memulakan ujian tepat pada waktu yang telah ditetapkan mengikut sesi;
- j) Sila tunggu nama jawatan bertukar dari '**Ujian Belum Bermula**' kepada '**Nama Jawatan**' yang dipohonkan sebelum masuk ke dalam sistem ujian PSC-CAMS;
- k) Untuk masuk ke dalam sistem ujian PSC-CAMS, masukkan nombor kad pengenalan dan nombor indeks pada ruang yang disediakan dan terus mula menjawab ujian - masa ujian bermula pada saat ini.

4) SEMASA UJIAN DIJALANKAN DAN MENGAKHIRI UJIAN

- a) Calon hendaklah **menjawab soalan mengikut susunan soalan** yang diberikan;
- b) Calon **tidak dibenarkan kembali ke soalan sebelumnya setelah menekan 'Next' pada sistem ujian PSC-CAMS** sama ada telah dijawab atau belum;
- c) Tempoh masa menjawab Ujian Dalam Talian bagi jawatan dalam Divisyen II adalah selama 40 minit, Divisyen III selama 30 minit dan Divisyen IV dan V selama 25 minit;
- d) Tekan 'selesai' pada sistem ujian PSC-CAMS jika sekiranya calon telah selesai menjawab soalan-soalan;
- e) Tekan 'Stop Share' pada aplikasi Zoom.

5) SELEPAS UJIAN

- a) Tekan '*Leave Room*' dan kemudian tekan '*Leave Meeting*' dalam aplikasi Zoom setelah calon selesai menjalani ujian.

6) INTERAKSI ANTARA CALON DAN PENGAWAS UJIAN

- a) Sepanjang Ujian Dalam Talian dijalankan, setiap arahan akan diberikan melalui ruangan 'Chat' dan secara lisan secara berkala – calon adalah disarankan untuk sentiasa membuka ruangan 'Chat' dan memberi perhatian yang penuh kepada pengawas ujian;
- b) Sebarang ketidakpastian semasa Ujian Dalam Talian, calon boleh merujuk kepada pengawas ujian dengan menekan 'Reactions' dan pilih 'Raise Hand' untuk menarik perhatian pengawas ujian. Seterusnya sila kemukakan pertanyaan melalui ruangan 'Chat';
- c) Memastikan mikrofon dan *speaker* yang digunakan berfungsi dengan baik bagi memastikan kelancaran interaksi bersama pengawas ujian.

7) PERATURAN UJIAN DALAM TALIAN


- a) Patuhi etika berpakaian yang sesuai dan menutup aurat semasa menghadiri Ujian Dalam Talian;
- b) Tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit sepanjang ujian dijalankan;
- c) Tidak dibenarkan untuk merujuk bahan bacaan/rujukan seperti buku atau buku elektronik (*eBook*) sepanjang ujian dijalankan;
- d) Tidak dibenarkan merujuk bahan dalam internet melalui pelayar (*browser*) seperti *Google Chrome*, *Mozilla Firefox* dan sebagainya untuk mencari jawapan kepada soalan ujian;
- e) Tidak dibenarkan untuk meninggalkan tempat ujian sama sekali selagi ujian calon belum selesai;
- f) Calon yang didapati melakukan kesalahan secara sengaja dan/atau tidak sengaja seperti meniru, meminta atau mendapatkan pertolongan dari pihak lain untuk menjawab soalan, menyalin dan menggambar soalan atau menduduki ujian bagi pihak orang lain akan disenaraihitamkan daripada memohon sebarang jawatan yang diiklankan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tempoh selama 6 bulan dari tarikh kesalahan bagi kesalahan pertama dan setahun bagi kesalahan-kesalahan seterusnya;
- g) Calon dan/atau pihak ketiga adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat sebarang rakaman sepanjang sesi Ujian Dalam Talian dijalankan. Jika Urus Setia mendapati calon dan/atau pihak ketiga membuat sebarang rakaman, maka ujian yang telah dihadiri adalah DIBATALKAN SERTA MERTA. Jika rakaman atau maklumat didapati disebarkan semasa atau selepas selesai urusan Ujian Dalam Talian secara sengaja dan/atau tidak, maka ianya akan MENJEJASKAN PERTIMBANGAN PERMOHONAN CALON DAN CALON BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN BERSESUAIAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA).

**Urus Setia Unit Ujian
Bahagian Perakuan dan Ujian
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Tarikh Kemaskini: 08 DISEMBER 2021**


CARTA ALIRAN (RINGKASAN) TATACARA UJIAN DALAM TALIAN BAGI CALON-CALON PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA)

(VIDEO TATACARA INI JUGA BOLEH DIRUJUK MELALUI PORTAL PSCR 2.0, LAMAN SESAWANG DAN MEDIA SOSIAL PEJABAT SPA)


(A) SEBELUM HARI UJIAN




(B) SEMASA HARI UJIAN




(C) SEBELUM UJIAN DIMULAKAN



(D) SEMASA UJIAN



(E) SELEPAS UJIAN



Nota: Jika sekiranya calon mengalami masalah terkeluar dari aplikasi Zoom (disconnected), calon dimestikan untuk berhenti menjawab soalan dengan serta merta. Calon hendaklah masuk semula ke aplikasi Zoom menggunakan pautan atau meeting ID dan passcode yang digunakan sebelumnya. Setelah berjaya masuk, terus berhubung dengan pengawas ujian di ruang 'Chat'.